



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**12 Julai 2021**  
**2 Zulhijjah 1442h**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Upah tinggi, nelayan beralih seludup ketum</li></ul>
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

# Upah tinggi, nelayan beralih seludup ketum

Harga pasaran ketum di Thailand cecah RM180 sekilogram

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR

**A**geni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) berjaya menggagalkan cubaan menyeludup keluar lebih kurang satu tan daun ketum dipercayai oleh nelayan tempatan di kedudukan 0.1 batu nautika dari muara Kuala Kerpan, Jerlun pada jam 1.30 pagi Jumaat.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd Zawawi Abdullah berkata, selepas menerima maklumat risikan awal, sebuah bot ronda telah digerakkan ke lokasi berkenaan.

Menurut beliau, pihaknya berjaya mengesan sebuah bot fiber tanpa nombor pendaftaran bergerak dalam keadaan mencurigakan menuju keluar dari Kuala Kerpan.

"Sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa, suspek bertindak menukar arah dengan memcut laju menuju ke persisiran pantai berdekatan bagi meloloskan diri dengan meninggalkan bot serta muatannya.

"Kami tidak menolak kemungkinan suspek adalah nelayan tempatan yang menerima upah untuk membawa daun ketum ini.



Mohd Zawawi (tiga dari kanan) menunjukkan sebahagian daun ketum yang berjaya dirampas di Kuala Kerpan, Jerlun pada Jumaat.

"Mereka mempunyai bot selain tahu selok-belok di kawasan ini untuk melarikan diri jika kegiatan mereka dihidu pihak berkuasa," jelasnya pada sidang akhbar di Marina Harbour, Kuala Kedah pada Ahad.

Mohd Zawawi memberitahu, sebanyak 100 bungkusan plastik hitam disyaki daun ketum diletakkan di atas bot tersebut dengan nilai sekitar RM180,000.

Kata beliau, burungan larangan itu dipercayai cuba diseludup ke negara jiran melalui jalan laut berikutan harga pasaran semasa di Thailand mencecah lebih RM180 setiap satu kilogram (kg) berbanding pasaran tempatan hanya RM40.

"Upah yang diterima untuk membawa barang larangan seperti ini biasanya sebanyak RM200 bagi satu perjalanan.

Jika berat daun ketum mencecah satu tan, upahnya sudah dikira lain iaitu berdasarkan beratnya.

"Upah sebegini memang menarik minat nelayan ataupun komuniti maritim untuk membawanya kerana pendapatan mereka tidak menentu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini," ujarnya.

Mohd Zawawi berkata, semua hasil rampasan berserta bot fiber dan enjin dianggarkan bernilai RM235,000 itu dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Kedah.

Jelas beliau, rampasan terbaharu ini adalah kali ketujuh bagi tahun ini dan merupakan rampasan terbesar buat kali kedua selepas rampasan yang dilakukan pada Mac lalu.

"Jumlah rampasan tahun ini adalah 3.2 tan dengan nilai RM734,600," ujarnya.